

14 OCT 1999

BADAN BARU JALIN KERJASAMA KONTRAKTOR PELBAGAI KAUM

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Majlis Kontraktor Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan Julai lepas mampu meningkatkan kerjasama antara kontraktor pelbagai kaum, kata Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Idris Jusoh.

Katanya ia adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar usahawan bukan Bumiputera membantu usahawan Melayu yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi.

"Sekarang pun banyak kerjasama berlaku, cuma ia harus ditingkatkan dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Laman Web Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) di sini hari ini.

Majlis itu yang menggabungkan beberapa persatuan kontraktor termasuk Persatuan Kontraktor India diketuai oleh PKMM dan berfungsi sebagai saluran yang membincangkan masalah dihadapi oleh industri pembinaan di negara ini.

"Ia satu pakatan yang harus ada di kalangan masyarakat Malaysia," kata Idris.

Laman web itu yang boleh dilayari di www.pkmm.org.my memuatkan antara lainnya, maklumat terkini tentang persatuan serta maklumat berkenaan tender-tender yang baru ditawarkan.

Presiden PKMM Roslan Awang Kechik berkata laman web itu akan dihubungkan dengan beberapa jabatan seperti Jabatan Kerja Raya bagi memudahkan kontraktor berurusan.

"Kita jangka ia dapat dilaksanakan pada awal tahun depan," katanya.

-- BERNAMA

NM MAI